

04/11/1997

Mengawal manipulasi mata wang

Ismail Hashim

APABILA Datuk Seri Dr Mahathir memberikan ucapan di sidang Bank Dunia dan IMF di Hong Kong September lalu, ramai pengkritik menolak cadangan beliau untuk mengharamkan spekulasi mata wang dan menganggapnya satu usaha menyembunyikan asas ekonomi yang lemah.

Mereka, terutama pengurus dana dan penganalisis kewangan menunjukkan kekacauan kewangan tidak akan menjejaskan Hong Kong yang ekonominya berada dalam keadaan teguh.

Oleh itu, mereka beranggapan krisis kewangan yang melanda Malaysia dan negara Asia Tenggara disebabkan asas ekonomi lemah. Penganalisis kewangan cenderung mengaitkannya dengan defisit dalam akaun semasa di Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia.

Kini lihat apa jadi dan kebenaran apa yang dikatakan Dr Mahathir sudah terbukti. Perdana Menteri berkata ini menunjukkan ia adalah fenomena global, bukan lagi fenomena Asia. Bahang kejatuhan pasaran saham di Hong Kong dirasai di Amerika Syarikat, pasaran saham Eropah dan Amerika Selatan.

Dr Mahathir menjelaskan kejatuhan pasaran saham di Hong Kong mula meyakinkan sesetengah negara, termasuk beberapa negara maju mengenai berlakunya spekulasi dan manipulasi pasaran, bertentangan dengan kepercayaan mereka sebelum ini yang menyatakan ia adalah kuasa pasaran.

"Saya berpendapat mereka sudah sedar ini adalah hasil manipulasi," katanya kepada wartawan Malaysia di akhir Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (Berita Harian 28 Oktober 1997).

Hong Kong dikatakan mempunyai akaun semasa yang baik dan dana rizab bernilai AS\$88 bilion. Namun kejadian yang berlaku menidakkan idea yang menyatakan negara yang kuat tidak akan terjejas apabila penetapan (peg) mata wang Taiwan kepada dolar Amerika dialihkan selepas pihak berkuasa Taiwan membelanjakan sebanyak AS\$5 bilion untuk mempertahankan mata wang mereka daripada serangan spekulatif dan kemudian tunduk dan menyerah kalah kepada keadaan.

Kini kejatuhan terburuk di Hong Kong pada 23 Oktober menyaksikan Indeks Hang Seng menjunam 1,211.47 mata atau 10.4 peratus kepada 10,426.30 mata pada hari penutup niaga sebelum pemulihan tidak sepenuhnya menunjukkan serangan tidak mengecualikan asas ekonomi yang kukuh sekalipun.

Adakah ini bermakna pakar ekonomi, penganalisis kewangan atau pengurus dana akan mengubah pendirian mereka dengan cuba menunjukkan asas ekonomi Hong Kong adalah lemah dan kejatuhan pasaran sahamnya dapat dijustifikasikan?

Memang tidak disangka kejatuhan Bursa Saham Hong Kong adalah sesuatu yang mengejutkan media Barat yang selama ini memomok-momokkan kedudukan negara Asia Tenggara yang mengalami krisis mata wang itu untuk dikaitkan dengan asas ekonomi yang lemah dan defisit dalam akaun semasa.

Krisis yang melanda dolar Hong Kong berikutan spekulasi mata wang yang dikaitkan dengan dolar Amerika itu mungkin tidak dapat bertahan. Malah pengamat ekonomi berkata dolar Hong Kong kelihatan menjadi destinasi terakhir serangan spekulasi ke atas rantau Asia kerana ia adalah satu-satunya mata wang terakhir Asia yang dikaitkan secara tetap kepada dolar Amerika pada 7.80 bagi setiap dolar Amerika sejak 14 tahun dahulu.

Dalam hal ini kita lihat dana asing mengubah serangan mereka ke Hong Kong dan juga Singapura selepas mengaut keuntungan daripada serangan mereka ke atas baht, peso, ringgit dan rupiah sejak Julai lalu.

Kemerosotan pasaran saham di Hong Kong itu terjadi apabila kadar faedahnya dinaikkan bagi mempertahankan mata wang Hong Kong dan turut menjejaskan pasaran serantau.

Berdasarkan laporan hampir semua media Barat, tidak dinafikan lagi kegiatan spekulatif yang besar terutama dana perlindungan berada di sebalik serangan ke atas pasaran saham Hong Kong dan ke atas dolar Hong Kong, sesuatu yang awal-awal lagi diterangkan Perdana Menteri.

Jika kedudukan ekonomi yang teguh seperti Hong Kong serta mempunyai simpanan asing yang kukuh juga mengalami serangan serius adalah jelas bahawa kegiatan spekulatif dan manipulasi kini bermaharajalela tanpa kawalan.

Ia seperti dimaklumi dalam serangan ke atas empat negara anggota Asean yang menimbulkan kesan ketidakstabilan dan kucar-kacir serta menjejaskan keseluruhan ekonomi negara termasuk ekonomi yang dianggap kukuh .

Oleh itu, krisis mata wang berikutan serangan spekulasi ini juga harus ditangani dengan serius oleh semua negara sedang membangun yang dalam perancangan untuk membenarkan pasaran kewangan sejagat mempunyai capaian bebas di negara mereka.

Lebih-lebih lagi apabila Malaysia dan negara anggota Asean lain, yang berhadapan dengan tekanan supaya membabitkan sektor kewangan mereka kepada bank asing, syarikat insurans, firma bursa saham dan institusi lain yang berada dalam rundingan perkhidmatan kewangan WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia).

(END)